

BAB 3: ANALISIS DATA

3.0 PENDAHULUAN

Perbincangan dalam bab ini tertumpu kepada analisis data yang dikumpul daripada dua bentuk kajian yang dilakukan ia itu kajian utama dan kajian sokongan.

Kajian utama ialah kajian yang dilakukan ke atas 120 orang pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Pelajar-pelajar tersebut dikehendaki membaca dua surah dalam Al-Qur'an iaitu sepuluh ayat pertama Surah *Al-Kahf* dan Surah *Al-Baiyyinah*. Bacaan mereka dirakam untuk didengar dan diteliti kesilapan bahasa yang dilakukan oleh pelajar bagi mendapat satu data yang lengkap dan tepat. Data yang diperolehi dimasukkan ke dalam jadual supaya dapat dilihat gambaran kelemahan secara keseluruhannya.

Kajian utama yang dilakukan, disokong pula dengan kajian lain yang dibuat keatas 20 orang daripada 120 orang pelajar yang dipilih secara rambang . Mereka dikemukakan soalan melalui borang soal selidik seperti lampiran 1 untuk dijawab dalam masa dan keadaan yang ditentukan. Mereka tidak diberi peluang berbincang sesama mereka untuk mengelakkan dari jawapan yang dipengaruhi oleh kawan . Soal selidik juga dilakukan ke atas 10 orang guru yang terlibat mengajar Al-Quran. Di samping itu pengkaji meneliti pita rakaman temubual dengan 10 orang daripada 120 pelajar dan 5 orang daripada 10 orang guru untuk mendapat maklumat tambahan melalui soalan-soalan yang dikemukakan.

Selain daripada itu, pengkaji juga membuat pemerhatian di pusat-pusat pengajian Al-Quran di mana pelajar-pelajar mendapat pendidikan awal tentang Al-Quran. Semua data dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis dan dinyatakan secara terperinci.

3.1 DAPATAN KAJIAN UTAMA

Hasil kajian yang dibuat keatas dua surah yang dibaca oleh pelajar-pelajar tingkatan tiga Sek. Men. Kebangsaan Agama Tok Jiring 1997, pengkaji dapat mengumpul data menunjukkan pencapaian dan kekerapan kesalahan yang dilakukan.

Pencapaian mereka dinilai dari segi kelancaran, kefasihan dan tajwid berdasarkan kategori-kategori berikut;

Kategori	Kriteria
Amat baik	Tidak melakukan kesalahan
Baik	Melakukan 1 atau 2 kesalahan
Sedehana	Melakukan 3,4,5 dan 6 kesalahan
Lemah	Melakukan 7,8,9 dan 10 kesalahan
Amat lemah	Melakukan lebih dari 10 kesalahan

Oleh kerana bidang tajwid mencakupi bidang yang luar, maka dia singkan kesalahan yang dikumpul mengikut aspek-aspek tertentu untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas.

Data yang diperolehi dimasukkan ke dalam jadual untuk memudahkan kerja-kerja menganalisis manakala kekerapan kesalahan pula diletakkan dalam jadual yang berasingan mengikut aspek-aspek tertentu untuk melihat kelemahan mereka secara

terperinci. Melalui angka-angka dan peratus-peratus yang ditunjukkan dalam jadual, pengkaji dan pembaca mendapat gambaran yang jelas menganai pencapaian pelajar dan kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

JADUAL 11 : KELANCARAN

PENCAPAIAN		AMAT BAIK	BAIK	SEDERHANA	LEMAH	AMAT LEMAH	JUM LAH
SURAH	KUANTI TI						
<i>AL-KAHF</i>	<i>KUANTI TI</i>	8	15	14	19	64	120
	<i>PERATUS</i>	6.7	12.5	11.7	15.8	53.4	100
<i>AL- BAIYYINAH</i>	<i>KUANTI TI</i>	19	32	38	18	12	120
	<i>PERATUS</i>	15.8	26.7	31.7	14.6	10.3	100

Dalam jadual 11 di atas menunjukkan bahawa kelancaran kebanyakkan pelajar berada dit ahap AMAT LEMAH ketika membaca Surah Al-Kahf, ia itu seramai 64 orang atau 53.4%, manakala 19 orang (15.8%) berada di tahap LEMAH, 14 orang (11.7%) di tahap SEDERHANA, 15 orang (12.5%) di tahap BAIK dan hanya 8 orang (6.7%) sahaja mencapai tahap AMAT BAIK. Walau bagaimanapun pencapaian mereka lebih baik ketika membaca Surah Al-Bayyinah, iaitu seramai 12 orang (10.3%) sahaja di tahap yang AMAT LEMAH, 18 orang (14.6%) berada di tahap LEMAH, 38 orang (31.7%) di tahap SEDERHANA, 32 orang (26.7%) di tahap BAIK dan 19 orang (15.8%) di tahap AMAT BAIK.

JADUAL 12 : KEFASIHAN

<i>PENCAPAIAN SURAH</i>		<i>AMAT BAIK</i>	<i>BAIK</i>	<i>SEDERHANA</i>	<i>LEMAH</i>	<i>AMAT LEMAH</i>	<i>JUM LAH</i>
<i>AL-KAHF</i>	<i>KUANTI TI</i>	17	17	23	25	38	120
	<i>PERA TUS</i>	14.2	14.2	19.2	20.8	31.7	100
<i>AL- BAIYYINAH</i>	<i>KUANTI TI</i>	23	32	33	19	13	120
	<i>PERA TUS</i>	19.2	26.7	37.5	15.8	10.8	100

Dari segi kefasihan, peratus tertinggi pencapaian pelajar adalah pada tahap AMAT LEMAH. Dalam Surah Al-Kahf iaitu 31.7% dengan bilangan pelajar seramai 38 orang. Ini diikuti dengan tahap LEMAH dengan bilangan pelajar 25 orang (20.8%), tahap SEDERHANA 23 orang (19.2%) dan tahap BAIK dan AMAT BAIK masing-masing 17 orang (14.2%). Sepertimana dalam bahagian kelancaran bilangan terbanyak atau peratus pencapaian yang tertinggi dari segi kefasihan ialah pada tahap SEDERHANA iaitu 33 orang (27.5%). Tempat kedua tertinggi ialah tahap BAIK iaitu 32 orang (26.7%). Ini diikuti dengan tahap AMAT BAIK iaitu 23 orang (19.2%), tahap LEMAH 19 orang (15.8%) dan AMAT LEMAH 13 orang (10.8%)

JADUAL 13 : TAJWID

<i>PENCAPAIAN SURAH</i>		<i>AMAT BAIK</i>	<i>BAIK</i>	<i>SEDERHANA</i>	<i>LEMAH</i>	<i>AMAT LEMAH</i>	<i>JUM LAH</i>
<i>AL-KAHF</i>	<i>KUANT ITI</i>	26	27	31	22	14	120
	<i>PERA TUS</i>	21.7	22.5	25.8	18.3	11.7	100
<i>AL- BAIYYINAH</i>	<i>KUANT ITI</i>	28	30	31	20	1	120
	<i>PERA TUS</i>	23.3	25	25.8	16.7	8.3	100

Jadual 13 di muka surat 116 atas menunjukkan pencapaian pelajar secara umum dalam bahagian *tajwid* adalah lebih baik berbanding dengan bahagian kelancaran dan kefasihan . Bilangan yang terbanyak atau peratus yang tertinggi yang dicapai oleh pelajar-pelajar dalam kedua-dua surah yang dibaca ialah pada tahap SEDERHANA. Masing-masing mencatat bilangan 31 orang (25.8%). Tempat kedua adalah pada tahap BAIK iaitu 27 orang (22.5%) bagi *Surah Al-Kahf* dan 30 orang (25%) bagi *Surah Al-Baiyyinah*.Ini diikuti oleh tahap AMAT BAIK iaitu 26 orang (21.7%) bagi surah *Al-Kahf* dan 28 orang (23.3%) dalam surah *Al-Baiyyinah*. Seterusnya tahap LEMAH iaitu 22 orang (18.3%) bagi *Surah Al-Kahf* dan 20 orang (16.7%) bagi *Surah Al-Baiyyinah*. Sementara peratus yang paling rendah adalah pada tahap AMAT LEMAH iaitu seramai 14 orang (11.7%) bagi *Surah Al-Kahf* dan 11 orang (8.3%) sahaja bagi *Surah Al-Baiyyinah*.

**JADUAL 14 : KEKERAPAN KESALAHAN TAJWID YANG DILAKUKAN
OLEH
PELAJAR KETIKA MEMBACA 10 AYAT PERTAMA
SURAH
AL-KAHF DAN SURAH AL-BAYYINAH.**

KESALAHAN	SURAH	AL-KAHF	AL-BAYYINAH	JUMLAH
TERSANGKUT	Kekerapan	3032	399	3422
	Peratus	26.1	3.5	31.5
WAQAF	Kekerapan	2443	464	2907
	Peratus	21.1	4.0	26.8
IBTIDA'	Kekerapan	1270	352	1622
	Peratus	11.0	3.0	14.8
SIFAT LAZIM	Kekerapan	405	249	654
	Peratus	3.5	2.1	6.0
MAKHRAJ	Kekerapan	272	301	573
	Peratus	2.4	2.6	5.3
BERTUKAR SEBUTAN	Kekerapan	379	129	508
	Peratus	3.3	1.1	4.7
MAD DAN QASR	Kekerapan	366	73	439
	Peratus	3.2	0.6	4.0
GHUNNAH	Kekerapan	217	162	379
	Peratus	1.9	1.4	3.5
IDGHAM	Kekerapan	124	8	132
	Peratus	1.1	0.1	1.2
LEBIH DAN KURANG	Kekerapan	78	45	123
	Peratus	0.7	0.4	1.1
IZHAR	Kekerapan	54	54	108
	Peratus	0.5	0.5	1.0
JUMLAH	Kekerapan	8631	2236	10867
	Peratus	74.7	19.3	100

Jadual 14 di atas memaparkan jenis kesalahan *tajwid* yang dilakukan oleh pelajar semasa membaca dua surah yang ditentukan iaitu *Al-Kahf*

(Ayat 1 hingga 10) dan *Al-Bayyinah*. Jenis-jenis kesalahan yang ditunjukkan dalam jadual 14 adalah dalam bentuk bilangan dan peratus mengikut surah yang diuji. Terdapat sebelas (11) aspek kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar iaitu tersangkut, *waqaf*, *ibtida'*, sifat huruf, *makhraj* huruf, bertukar sebutan, *mad* dan *Qasr*, *Ghunnah*, *Idgham*, lebih dan kurang,dan *Izhar*.

Kelemahan yang paling ketara yang dapat dilihat dalam Jadual 14 ialah dari segi kelancaran. Ramai pelajar yang tersangkut-sangkut ketika membaca surah-surah yang diuji sehingga kekerapannya mencatat 3422 atau 31.5 %. Ketidaklancaran atau tersangkut-sangkut ketika membaca sudah tentu memberi kesan secara langsung kepada aspek lain, khursusnya *waqaf* dan *ibtida'* yang berada di tempat kedua dan ketiga dengan kekerapan 2907 kali atau 26.8 % dan 1622 kali atau 14.9 %. Seterusnya diikuti dengan kesalahan tidak menyempurnakan sifat huruf sebanyak 654 kali atau 6% *makhraj* huruf 573 kali atau 5.3%, bertukar Sebutan 508 kali atau 4.7%, *Mad* dan *Qasr* sebanyak 439 kali atau 4.0 % ,dan *Ghunnah* sebanyak 379 kali atau 3.5%. Lain-lain kesalahan ialah *Idgham* 132 kali atau 1.2 %, Lebih dan Kurang 123 kali atau 1.1% dan *Izhar* 108 kali atau 1.0 %. Jumlah kesalahan yang dilakukan oleh 120 orang pelajar ketika membaca dua surah tersebut ialah 10867 kali.

JADUAL 15 : KEKERAPAN TERSANGKUT SEMASA MEMBACA SURAH AL-KAHF DAN AL-BAYYINAH.

KESALAHAN \ SURAH	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
TERSANGKUT	Kekerapan	3023	399
	Peratus	88.3	11.7
		3422	100

Kelancaran merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam pembelajaran bahasa khususnya ketika bercakap dan membaca. Jadual 15 di atas menunjukkan kekerapan yang tersangkut mencatat 30.23 kali (88.3%) dalam *Surah Al-Kahf* dan 399 kali (11.7%) dalam *Surah Al Bayyinah*.

Berdasarkan jadual 15 di atas, didapati ramai pelajar yang tidak dapat membaca dengan baik. Mereka tidak mampu membaca dengan lancar. Kelemahan mereka yang sangat ketara ialah ketika membaca *Surah Al-Kahf*, di mana 88.3% kesalahan dilakukan dengan kekerapan 3023 kali tersangkut. Seramai 64 orang atau 53.3% pelajar tersangkut lebih daripada 10 kali ketika membaca *Surah Al-Kahf*. Kadang-kadang untuk menyebut sesuatu perkataan terpaksa diulang suku-katanya beberapa kali. Contohnya perkataan **الفتية** dan **جزا** , **صعيدا** , **با خع** . Walau bagaimanapun bacaan mereka lebih baik atau lebih lancar ketika membaca *Surah Al-Bayyinah*. Jumlah mereka yang tersangkut hanya 399 kali atau 11.7% sahaja. Seramai 12 orang atau 10.3% pelajar sahaja yang tersangkut lebih dari 10 kali termasuklah dalam kategori yang sangat lemah.

Daripada apa yang ditunjukkan dalam jadual 15 di atas menggambarkan kelemahan yang berlaku disebabkan oleh kurang latihan. Ini jelas dari perbezaan kekerapan kesalahan yang dikumpul dari surah pendek seperti *Al-Bayyinah* yang selalunya dibaca dengan *Surah Al-Kahf* yang kebanyakannya pelajar jarang membacanya.

JADUAL 16: KEKERAPAN KESALAHAN WAQAF.

SURAH KESALAHAN		Al-Kahf	Al- Bayyinah	Jumlah
DIAKHIR PERKATAAN	Kekerapan	1242	347	1589
	Peratus	42.7	11.9	54.6
TENGAH PERKATAAN	Kekerapan	26	5	31
	Peratus	0.9	0.2	1.1
CARA WAQAF	Kekerapan	1175	112	1287
	Peratus	40.4	3.9	44.3
JUMLAH	Kekerapan	2443	464	2907
	Peratus	83.6	15.9	100

Berdasarkan apa yang ditunjukkan dalam jadual 16 di atas terdapat tiga jenis kesalahan waqaf yang dilakukan oleh pelajar:

1) Waqaf di akhir perkataan yang tidak sepatutnya dilakukan kerana perbuatan seperti itu menyebabkan rosak makna atau maksud yang hendak disampaikan. Terdapat 1589 kali atau 54.6 % kesalahan dilakukan. 1242 kali (42.7 %) dalam *Surah Al-Kahf* dan 347 kali (11.9 %) dalam *Surah Al-Bayyinah*.

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar menyebabkan rosak makna, seperti;

sekiranya bacaan *diwaqafkan* pada tempat yang betul iaitu selepas perkataan: **البِيْنَةُ** iaitu

وَمَا نَفَرَّقَ اللَّهُنَّ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مَنْ بَعْدَ مَا جَاءَهُ نَهَمُ الْبِيْنَةَ

ii.. *Wakaf* pada

إِنْ يَقُولُونَ

yang bermaksud :

“Mereka tidak bercakap”. Maksud sebenar yang hendak disampaikan ialah “mereka tidak bercakap kecuali secara berdusta.” Ini hanya boleh difahami sekiranya bacaan *diwaqafkan* pada

إِنْ يَقُولُونَ إِلَّا كَذِبًا

2) *Waqaf* di tengah perkataan atau pada suku kata akhir; *Waqaf* seumpama ini merosakkan sama sekali makna. Contohnya :

فَلَعَلَّكُمْ بَدَأْتُمْ
Waqaf pada **بَدَأْتُمْ** yang bermaksud : “Maka boleh jadi kamu ba.” *Waqaf* yang sepatutnya sepatutnya ialah di akhir ayat berikut :

فَلَعَلَّكُمْ بَدَأْتُمْ بِخَعْنَقَكُمْ عَلَىٰ مَا شَرِّهُمْ إِنْ لَمْ يُؤْمِنُوا بِهَذَا الْحَدِيثِ أَسْفًا

yang bermaksud : “Maka boleh jadi kamu akan membunuh diri kerana sedih berpisah dengan mereka yang tidak beriman kepada Al-Quran”.

3) Salah cara *mewaqafkan* bacaan. Rata-rata pelajar bukan sahaja salah dalam menentukan tempat *waqaf*, tetapi juga salah dari segi cara *waqaf* yang dilakukan. Mereka menyatakan baris akhir katika *waqaf*. Umumnya keadaan ini berlaku disebabkan mereka

terdesak. Mereka terpaksa berhenti kerana tersangkut atau tidak dapat meneruskan bacaan. Contohnya:

i. قَيْمَالِيُّونْزِرْ

(Qayyimallyunzira). Iaitu dinyatakan

fathah (فتحة) *Ra'* (ر). Kalau pun terdesak cara *waqaf* yang betulnya ialah dengan bunyi *Qayyimallyunzir*.

ii. رَسُولُ مِنْ أَنْفُسِهِ

(Rasulumminallah). Iaitu dinyatakan

kasrah *Ha'* (هـ). Cara yang betul ialah *diwaqafkan* dengan *Rasulumminallah*, iaitu dengan mematikan *Ha'* (هـ). Terdapat sebilangan kecil sahaja pelajar yang *mewaqafkan* bacaan mereka dengan cara yang betul. Keadaan ini berlaku kerana mereka membaca tanpa menghayati makna yang terkandung didalamnya.

JADUAL 17: KEKERAPAN KESALAHAN IBTIDA'.

KESALAHAN		SURAH	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
DIAWAL	Kekerapan	1163	307	1470	
	Peratus	71.7	18.9	90.6	
DITENGAH	Kekerapan	107	45	152	
	Peratus	6.6	2.8	9.4	
JUMLAH	Kekerapan	1270	352	1622	
	Peratus	78.3	2107	100	


Jadual 17 di atas menunjukkan kekerapan salah *ibtida'*. Oleh kerana *ibtida'* mempunyai kaitan yang rapat dengan *waqaf* maka kekerapannya hampir sama, iaitu sebanyak 1622 kali atau 14.1 %.

Berdasarkan jadual 17 diatas terdapat dua jenis kesalahan *ibtida'* yang dilakukan dalam aspek ini:


1) Kesalahan *ibtida'* atau memulakan bacaan dengan perkataan yang mempunyai hubungan yang rapat dengan perkataan atau rangkai kata sebelumnya. *Ibtida'* seumpama ini menjelaskan makna dan maksud yang hendak disampaikan. Terdapat sebanyak 1163 kesalahan atau 71.1 % dalam Surah *Al-Kahf*, dan 307 kesalahan atau 18.9 % dalam Surah *Al-Baiyyinah*. Sepertimana salah *waqaf*, *ibtida'* yang tidak betul, menyebabkan lahir makna yang tidak tepat:

a) Kesalahan *ibtida'* yang menyebabkan makna tidak lengkap. Contohnya:

i-. *Ibtida'* dengan perkataan yang menjadi sifat seperti:




yang bermaksud “*Keluar dari mulut mereka*”. Sepatutnya dimulakan dengan *ibtida'* pada awal ayat iaitu




yang bermaksud

“*Alangkah buruknya kata-kata yang keluar dari mulut mereka*”.

ii.*Ibtida'* dengan kata sendi yang bermakna “*Kecuali*”

seperti  yang bermaksud : *Kecuali* sesudah datang kepada mereka bukti yang nyata.”. *Ibtida'* yang tepat ialah diawal ayat iaitu :



yang bermaksud “*Dan tidak berpecah mereka yang disampaikan kitab kecuali sesudah datang kepada mereka bukti yang nyata*”.

b) Kesalahan ibtida’ yang membawa pengertian yang lain daripada kehendak Al-Quran. Contohnya :

i) Memulakan bacaan dengan cakap ajuk seperti :

أَنْجَذَ اللَّهُ yang bermaksud “*Allah mengambil (mempunyai) seorang anak*”. Sedangkan makna yang hendak disampaikan ialah: “*Dan untuk memperingatkan kepada mereka yang berkata: Allah mempunyai seorang anak*. Maksud sebenar ini hanya boleh difahami dengan memulakan bacaan pada:

أَوْيُنِذُ الرَّازِيْبَ قَالُوا أَنْجَذَ اللَّهُ وَلَدًا

ii. Dimulakan dengan

وَالْمُشْرِكُونَ مُنْفَكِّرُونَ حَتَّىٰ تَأْتِيهِمُ الْبِيْنَةُ

yang membawa makna: “*Dan orang-orang musyrikin akan meninggalkan agama mereka sehingga datang kepada mereka keterangan yang nyata*”. Makna sebenar yang hendak disampaikan adalah sebaliknya iaitu “*Orang-orang Kafir yang terdiri daripada ahli kitab dan musyrikin tidak akan meninggalkan agama mereka sehingga datang kepada mereka keterangan yang nyata*”. Makna dan maksud yang tepat ini hanya dapat difahami bila ibtida’nya dilakukan di tempat yang betul iaitu :

لَمْ يَكُنْ أَذْنِينَ كَفُرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ مُنَفِّعُكُنَّ
 حَتَّىٰ تَأْتِيَهُمُ الْبِشَّارَةُ ①

2) Kesalahan *ibtida'* di tengah-tengah perkataan atau suku kata akhir bagi sesuatu perkataan. Contohnya:

- i. Memulakan bacaan dengan

نَّهَا إِنْسَانٌ وَهُوَ أَيْمَنُ أَحْسَنُ عَمَلاً

Sepatutnya ialah *ibtida'*

dimulakan pada

إِنَّا جَعَلْنَا مَاءِلَ الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا إِنْسَانٌ وَهُوَ أَيْمَنُ أَحْسَنُ عَمَلاً

- ii. Dimulakan dengan

بِ الْأَكْذِبِ ②

Ibtida' yang betul ialah:

إِنْ يَقُولُونَ بِ الْأَكْذِبِ ③


Kesalahan *ibtida'* seumpama ini menghilangkan makna yang hendak disampaikan. Ini berlaku disebabkan pelajar-pelajar tidak dapat membaca dengan lancar atau tidak faham makna ayat yang dibaca.

JADUAL 18: KEKERAPAN KESALAHAN TIDAK MENYEMPURNAKAN SIFAT HURUF.


KESALAHAN	SURAH	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
TAFKHIM تَفْخِيم	Kekerapan	60	31	91
	Peratus	9.2	4.7	13.9
SOFIR سُفِير	Kekerapan	59	29	88
	Peratus	9.0	4.4	13.4
RAKHWAH رَحْوَة	Kekerapan	53	97	150
	Peratus	8.1	14.8	22.9
ISTITALAH إِسْتِتَالَةٌ	Kekerapan	40	39	79
	Peratus	6.1	6.0	12.1
HAMS هَمْسَةٌ	Kekerapan	69	24	93
	Peratus	10.6	3.7	14.3
ITBAQ إِتْبَاقٌ	Kekerapan	18	8	26
	Peratus	2.8	1.2	4.0
QALQALAH قَلْقَالَةٌ	Kekerapan	72		72
	Peratus	11.0		11.0
TAKRIR تَكْرِيرٌ	Kekerapan	21	10	31
	Peratus	3.2	1.5	4.7
TAFASYSYI تَفَاسِيْسِي	Kekerapan	13	11	24
	Peratus	2.0	1.7	3.7
JUMLAH	Kekerapan	405	249	654
	Peratus	61.9	38.1	100

Dalam jadual 18 di atas menunjukkan kekerapan tidak menyempurnakan sifat yang lazim bagi huruf-huruf tertentu. Jenis kesalahan yang dilakukan adalah seperti berikut;

a) Kesalahan tidak menyatakan sifat *tafkhim* bagi huruf-huruf *Ra'* (ر) dan *Ghin* (غ). Berpandukan Jadual 18 di atas, kesalahan ini adalah tertinggi iaitu sebanyak 91 kali atau 13.9 % daripada 654 kesalahan. Ramai pelajar yang tidak dapat menyembunyikan huruf *Ra'* (ر) dan *Ta'* (ط) bersama sifat yang lazim baginya. Antara kesalahan yang dilakukan adalah ketika menyebut perkataan;




dalam Surah




Al-Kahf dan dalam Surah Al-Bayyinah.

b) Kesalahan tidak menyatakan sifat *sofir* semasa menyebut huruf-huruf *Sin* (س) dan *Zai* (ز). Kesalahan ini berada di tempat keempat dengan kekerapan 88 kali atau 13.4 %. Antara kesalahan yang dilakukan adalah ketika menyebut perkataan-

perkataan 

dalam surah Al-Kahf dan



dalam surah Al-Baiyyinah.

c) Kesalahan tidak menyempurnakan sifat *Rakhawah* ketika menyebut huruf *Kha'* (خ). Kekerapannya berada di tempat pertama dengan 150 kesalahan atau 22.9 %. Antara kesalahan yang

dilakukan adalah ketika menyebutnya pada perkataan-perkataan berikut:

قَالُوا أَنْخَذَ اللَّهُ وَلَدًا

dalam surah *Al-Kahf*

ذَلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبُّهُ

dalam surah *Al-Bayyinah*

d). Kesalahan tidak menyempurnakan sifat *Hams* ketika menyebut huruf *Fa'* (ف) dan *Ta'* (ت). Terdapat 93 atau 1.4 % kesalahan dilakukan oleh pelajar ketika membaca surah-surah yang diuji. Contoh kesalahan yang dilakukan adalah seperti ketika menyebut perkataan-perkataan :

فَلَعَلَكَ بِنَجْعٌ تَقْسَمَ

dalam surah *Al-Kahf*, dalam surah *Al-Kahf*,

وَمَا نَفَرَقَ الَّذِينَ

dalam surah *Al-Baiyyinah* dan

بَعْدَ مَا جَاءَهُمْ أَبْيَانٌ

dalam surah *Al-Baiyyinah*.

e). Kesalahan tidak menyatakan sifat *Ithbaq* ketika menyebut huruf-huruf *Sad* (ص), *Dhad* (ض) dan *Ta'* (ط). Sebanyak 26 kali, atau 4.0 % kesalahan ditunjukkan dalam jadual 18 di atas. Mereka menyebut ketiga-tiga huruf tersebut longgar tanpa merapatkan beberapa bahagian lidah pada lelangit. Contoh kesalahan yang dilakukan adalah seperti ketika menyebut huruf-huruf tersebut pada perkataan-perkataan

الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّلَحَاتِ

dalam

surah *Al-Kahf*, وَرَضِيُّهُ عَنْهُ dalam surah *Al-Baiyyinah* dan

بِتَلْوِيْأٍ حَصْفَى مَطْهَرَةً dalam surah *Al-Baiyyinah*.

f) Kesalahan tidak wujud sifat *istitalah* (استطاله) ketika menyebut huruf *Dhad* (ض). Pelajar menyebutnya secara pendek seperti huruf-huruf lain sedangkan sebutannya perlu panjang yang kurang sedikit daripada *Mad Tabie*. Jumlah kesalahan yang dilakukan ialah 79 kali atau 12.1 %. Contoh kesalahan yang dilakukan dikesan ketika menyebut perkataan عَلَى الْأَرْضِ dalam

surah *Al-Kahf* dan رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضِيُّهُ عَنْهُ dalam surah *Al-Baiyyinah*.

g) Kesalahan tidak menepati sifat *Takrir* (تكرير) ketika menyebut huruf *Ra'* (ر). Sebanyak 31 kali atau 4.7 % kesalahan dilakukan oleh pelajar ketika membaca kedua-dua surah yang diuji. Kesalahan berlaku kerana tidak merapatkan lidah mereka kelelangit hadapan yang menyebabkan berlaku getaran lebih daripada satu kali. Contohnya kesalahan yang dilakukan dapat diperhatikan ketika

menyebut perkataan أَنَّ لَهُمْ أَجْرٌ حَسَنًا dalam surah *Al-Kahf*

dan جَزَاؤُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ dalam surah *Al-Baiyyinah*.

h) Kesalahan tidak membunyikan gegaran pada makhraj ketika menyebut huruf-huruf ﺏ dan ﺝ. Semua 72 kali kesalahan atau . 11 % dilakukan oleh pelajar ketika membaca surah *Al-Kahf* kerana hukum *Qalalah* tidak wujud dalam surah *Al-Baiyyinah*. Kesalahan-kesalahan yang dilakukan ialah ketika menyebut perkataan-perkataan

أَجْرَاحَسْنَا وَلَا يَحْكُلُ لِلْمُرْعَجَاتُ

perkataan-perkataan

أَمْرَحَسِبَتْ لِنَبْلُوْهُرْ

dan yang terdapat dalam Surah *Al-Kahf*.

i) Kesalahan tidak menghamburkan bunyi Shin (ش) ketika menyebutnya. Terdapat 24 kali atau 3.7 % kesalahan dilakukan oleh pelajar. Contoh kesalahan yang dilakukan dapat diperhati ketika menyebut perkataan-perkataan:

مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا وَبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ بِأَسْأَادِيدَا

dalam surah *Al-Kahf* dan

شَرُّ الْبَرِّيَّةِ وَالْمُشْرِكِينَ

 خَشِقَ رَبِّهِ dalam surah *Al-Baiyyinah*.

Pengkaji mendapati semua sifat-sifat huruf di atas tidak wujud dalam Bahasa Melayu. Oleh sebab itu pelajar-pelajar tidak dapat menyempurnakan secara berterusan (consistent) kerana tidak menjadi tabiat. Kadang-kadang mereka menyebut dengan betul, tetapi di masa yang lain mereka gagal berbuat demikian.

JADUAL 19: KEKERAPAN KESALAHAN MAKHRAJ HURUF.

KESALAHAN	SURAH	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
MAKHRAJ AIN ع	Kekerapan	74	74	148
	Peratus	12.9	12.9	25.8
MAKHRAJ DAL د	Kekerapan	73	67	140
	Peratus	12.7	11.7	24.4
MAKHRAJ HA' ه	Kekerapan	18	58	76
	Peratus	3.1	10.1	3.2
MAKHRAJ KHA' خ	Kekerapan	21	27	48
	Peratus	3.7	4.7	8.4
MAKHRAJ DHAD ض	Kekerapan	25	22	47
	Peratus	4.4	3.8	8.2
MAKHRAJ SYIN ش	Kekerapan	17	15	32
	Peratus	3.0	2.6	5.6
MAKHRAJ HA' ح	Kekerapan	10	19	29
	Peratus	1.7	3.3	5.0
MAKHTAJ FA' ف	Kekerapan	9	10	19
	Peratus	1.6	1.7	3.3
MAKHRAJ ZAI ذ	Kekerapan	8	6	14
	Peratus	1.4	1.0	4.0
MAKHRAJ THA' ث	Kekerapan	10	0	10
	Peratus	1.7	0	1.7
MAKHRAJ SIN س	Kekerapan	7	3	10
	Peratus	1.2	0.5	1.7
JUMLAH	Kekerapan	272	301	573
	Peratus	47.5	52.5	100

Jadual 19 di atas menunjukkan kekerapan kesalahan makhraj-makhraj huruf yang menyebabkan sebutan tidak betul. Kadang-kadang kesalahan *makhraj* ini menyebabkan bertukar kepada huruf lain seperti *Ain* (ع) kepada *Hamzah* (ء), *Ha'* (ه) kepada *Ha'* (ح), *Sin* (س) kepada *Tha* (ث) atau *Syim* (ش) dan *Dhad* (ض) kepada *Dhal* (د) atau sebaliknya.

Kesalahan makhraj yang dilakukan oleh pelajar-pelajar melibatkan huruf-huruf berikut:

- a) *Makhraj Ain* (ع); Menyebut *Ain* (ع) dengan *makhraj* yang salah adalah tertinggi iaitu 148 kali atau 25.8%; 74 kali (12.9%) masing-masing dari Surah Al-Kahf dan Surah Al-Bayyinah. Ramai pelajar menyebut *Ain* (ع) dengan melibatkan rongga hidung menyebabkan keluar bunyi sengau, sedangkan *makhrajnya* terletak di tengah-tengah halqum. Manakala sebahagian yang lain pula menyebut *Ain* (ع) dengan *makhraj Hamzah* (ء). Contohnya: عَلَى عَيْدِهِ الْكِتَبِ disebut يَعْمَلُونَ, أَلَى أَيْدِيهِ الْكِتَبِ disebut يَأْمُلُونَ

- b) *Makhraj Dhal* (د). Ramai juga pelajar yang salah makhraj ketika menyebut *Dhal* (د). Kekerapannya berada ditempat yang kedua selepas *Ain* (ع) iaitu 140 kali atau 24.4%. Mereka menyamakan sebutan huruf *Dhal* (د) dengan huruf "d" dalam bahasa Melayu ialah merapatkan hujung lidah ke lelangit bahagian hadapan, sedangkan cara yang betul menyebut *dhal* (د) ialah merapatkan hujung lidah ke pangkal gigi hadapan sebelah atas.

c) *Makhraj Dhad* (ض): Jadual 19 di atas menunjukkan pelajar-pelajar tidak dapat menyebut huruf Dhad (ض) dengan makhraj yang betul. Umumnya pelajar menyebut Dhad (ض) seperti makhraj “d” mereka menyebut *alal ardhi* ﻋَلَى الْأَرْضِ didengar seperti “*'Alal ardi*” dan *rodhiallah* (رضي الله عنه) didengar seperti “*Rodiallah*”.

Kesalahan yang dilakukan sebanyak 47 kali atau 8.2%; 25 kali (4.4%) dari *Surah Al-Kahf* dan 22 kali (3.8%) dari *Surah Al-Bayyinah*

c) *Makhraj Ha'* (ه): Kekerapan kesalahan *makhraj Ha'* (ه) ialah 76 kali atau 13.2%; 18 kali (3.1%) dari *Surah Al-Kahf* dan 58 kali (10.1%) dari *Surah Al-Bayyinah*. Umumnya pelajar yang melakukan kesalahan menyebutnya dengan *makhraj Ha'* (ه), iaitu berpindah dari pangkal halqum ke bahagian tengah.

d) *Makhraj Kha'* (خ): Kekerapan kesalahan *makhraj Kha'* (خ) ialah 48 kali atau 8.4%; 21 kali (3.7%) dari *Surah Al-Kahf* dan 27 kali (4.7%) dari *Surah Al-Bayyinah*. Kesalahan berlaku kerana pelajar menyebut dengan *makhraj Ha'* (ه) yang letaknya di tengah halqum sedangkan *makhraj Kha'* (خ) terletak dikawasan yang paling hampir dengan rongga mulut.

e) *Makhraj Ha'* (ه): Dalam jadual 19 di atas terdapat 29 kali atau 5% kesalahan dilakukan oleh pelajar; 10 kali atau (1.7%) adalah

dari Surah Al-Kahf dan 19 kali (3.3%) dari Surah Al-Bayyinah. Mereka menyebutnya dengan *makhraj Ha'* (ه)

f) *Makhraj Syin* (ش): Seperti yang ditunjukkan dalam jadual 9, kesalahan menentukan *makhraj Syin* (ش) berlaku sebanyak 32 kali atau 5.6%; 17 kali (3.0%) dalam Surah Al-Kahf dan 15 kali (2.6%) dalam Surah Al-Bayyinah. Kesalahan berlaku kerana pelajar menyebutnya dengan *makhraj Sin* (س). Contohnya:

شدیداً	disebut	سَدِيدَاً
وَبِئْشَرْ	disebut	وَبِئْسَرْ
وَالْمُشْرِكِينَ	disebut	وَالْمُسْرِكِينَ

g) *Makhraj Fa'* (ف): Jumlah kesalahan *makhraj Fa'* (ف) ialah 19 kali atau 3.3%; 9 kali (1.6%) dari Surah Al-Kahf dan 10 kali (1.6%) dari Surah Al-Bayyinah. Pelajar melakukan kesalahan ini kerana menyebut seperti huruf "p" sedangkan *makhraj Fa'* (ف) ialah antara gigi hadapan sebelah atas dan bibir mulut sebelah bawah.

h) *Makhraj Sin* (س): Jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar ketika menyebut huruf *Sin* (س) ialah 10 kali atau 1.7%; 7 kali (1.2%) dari Surah Al-Kahf dan 3 kali (0.3%) dari Surah Al-Bayyinah. Kesalahan ini berlaku kerana sebutan mereka tersasur kepada huruf yang bunyinya hampir sama iaitu *Syin* (ش) atau *Tha'* (ث).

i) *Makhraj Zai* (ز); Pelajar-pelajar melakukan kesalahan ini kerana menyebut *Zai* (ز) dengan *makhraj Zal* (زل), menyebabkan lahir bunyi yang bersifat kuat (شدة) dan bersiul (صفير). Kekerapan kesalahan ini ialah 8 kali (1.4%) dari *Surah Al-Kahf* dan 6 kali (1.0%) dari *Surah Al-Bayyinah*. Jumlahnya 14 kali atau 2.4%.

j) *Makhraj Tha'* (ث); Kesalahan *makhraj Tha'* (ث) hanya dari *Surah Al-Kahf* sahaja iaitu 10 kali atau 1.7 %. *Huruf Tha'* (ث) tidak ada dalam *Surah Al-Bayyinah*. Ketika menyebut *Tha'* (ث) terdapat sebilangan pelajar yang tersasur kepada *makhraj Sin* (س) menyebabkan lahir sifat bersiul atau *sofir* (صفير).

JADUAL 20: KEKERAPAN KESALAHAN MAD DAN QASR.

SURAH KESALAHAN	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
MAD TABIE/ MAD ASLI.	Kekerapan	177	26
	Peratus	40.3	5.9
MAD WAJIB	Kekerapan	5	17
	Peratus	1.1	3.9
MAD JAIZ.	Kekerapan	20	26
	Peratus	4.6	5.9
QASR	Kekerapan	164	4
	Peratus	37.4	0.9
JUMLAH	Kekerapan	366	73
	Peratus	83.4	16.6
			100

Jadual 20 di atas menunjukkan kekerapan salah *Mad* dan *Qasr* yang dilakukan oleh pelajar ketika membaca surah *Al-Kahf* dan surah *Al-Bayyinah*. Jenis kesalahan yang dilakukan adalah seperti berikut:

a) **Kesalahan *Mad Tabie***: Dalam jadual 20 di atas, kesalahan *Mad tabie* adalah tertinggi iaitu sebanyak 203 kali atau (46.2%); 177 kali (40.3%) dalam surah *Al-Kahf* dan 26 kali atau 5.9 % dalam surah *Al-Bayyinah*. Kadang-kadang pelajar membaca *Mad Tabie* dengan *Qasr* iaitu satu harakah. Contohnya :

وَإِنْ لَجَاءُونَ ..
sepatutnya
.. مَلْهُمْ بِهِ ..
sepatutnya

Ramai juga pelajar yang memanjangkan *Mad Tabie* hingga ketiga atau empat *harakah*. Pengkaji mendapati kebanyakan mereka yang berbuat demikian adalah disebabkan mereka tidak dapat menyebut perkataan berikutnya secara spontan. Mereka terpaksa mengambil sedikit masa untuk mengenal pasti perkataan yang akan disebut berikutnya. Cara memanjangkan bacaan dapat mengelak daripada *mawqafkan* bacaan mereka sekalipun perbuatan sedemikian adalah tidak betul. Contohnya:

مَكْثِينَ فِيهِ أَبْدًا ..
sepatutnya
يَتَلوُ صَحْقَامَطْهَرَةً ..
sepatutnya

b) Kesalahan memanjangkan bacaan yang sepatutnya

Qasr: Kesalahan ini berada di tempat kedua seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas dengan kekerapan 168 kali atau 38.3 %. Contoh kesalahan yang dilakukan dapat diperhatikan ketika mereka menyebut perkataan-perkataan berikut:

عوجا	disebut	عَوْجَا
جزرا	disebut	جَرْزَا
والرقيق	disebut	وَالرَّاقِيْم

Kebanyakan kesalahan memanjangkan yang *Qasr* dilakukan semasa membaca *surah Al-Kahf* iaitu 164 kali (37.4%). Manakala dalam *surah Al-Bayyinah* hanya 4 kali (0.9%) sahaja. Berdasarkan bacaan pelajar yang diperhatikan oleh pengkaji, didapati kesalahan ini berpunca dari ketidaklancaran mereka ketika membaca *surah Al-Kahf*. Sebab itu tidak banyak kesalahan dilakukan semasa membaca *surah Al-Bayyinah* kerana mereka dapat membaca jauh lebih lancar daripada *surah Al-Kahf*.

c) Kesalahan menentukan panjang *Mad Jaiz*: Jadual 20 di atas menunjukkan 46 kali atau (10.5%) kesalahan dilakukan oleh pelajar; 20 kesalahan dari surah *Al-Kahf* dan 26 dari *surah Al-Bayyinah*. Kesalahan yang dilakukan oleh pelajar kerana mereka membaca dengan kadar panjang yang berbeza di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain seperti membaca dengan kadar dua harakah di tempat pertama dan empat *harakah* di tempat kedua atau

sebaliknya. Contohnya:

وَمَا أَمْرُنَا لَا يَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ

أَسْرِوا

dibaca dengan dua harakah, manakala dibaca dengan empat harakah. Begitu juga dalam ayat
 الحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلٰى عَبْدِهِ الْكِتٰبَ
 hingga فَلَعِكَ بِلْخُ تَفَسَّكَ عَلٰى عَاشِرِهِمْ إِنْ لَمْ يُؤْمِنُوا بِهٰذَا الْحَدِيثَ أَسْفًا

dibaca dengan empat harakah, manakala dibaca dengan dua harakah. Sepatutnya di kedua-dua tempat dalam surah yang sama dan waktu yang sama dibaca dengan kadar yang sama, sama ada dua harakah atau empat harakah atau lima harakah. Pengkaji mendapati pelajar tidak mengetahui tentang panjang pendek yang perlu dilakukan.

d) **Kesalahan menentukan panjang Mad Wajib:** kadar panjang *Mad Wajib* adalah lebih dari dua harakah sepetimana yang disepakati oleh para Ulama Al-Quran atau Qurra' (قراء). Pelajar yang melakukan kesalahan pada *Mad* ini ialah mereka membaca dengan dua harakah sahaja. Terdapat 22 kesalahan atau 5% dilakukan oleh pelajar sepetimana yang ditunjukkan dalam jadual 20 diatas. Contoh kesalahan yang dilakukan adalah ketika menyebut perkataan-perkataan seperti:

لَا يَأْتِيهِمْ جَرَأْوُهُمْ حُنَفَاءُ جَاءَهُمْ

, dan

JADUAL 21 :KEKERAPAN KESALAHAN BERTUKAR.

Kesalahan	Surah	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
BERTUKAR HURUF	Kekerapan	245	90	335
	Peratus	48.2	17.7	66.0
BERTUKAR BARIS	Kekerapan	118	36	154
	Peratus	23.2	7.1	30.3
BERTUKAR PERKATAAN	Kekerapan	16	3	19
	Peratus	3.1	0.6	3.7
JUMLAH	Kekerapan	379	129	508
	Peratus	74.6	25.3	100

Kekerapan kesalahan bertukar sebutan dan peratusnya ditunjukkan dalam jadual 21 di atas. Sebanyak 508 kali atau 4.7% kesalahan dilakukan oleh pelajar dalam dua surah yang diuji. Jenis kesalahan tersebut adalah seperti berikut:

a) **Kesalahan bertukar huruf;** Dalam jadual 21 di atas, kesalahan bertukar sebutan huruf adalah paling tinggi iaitu 335 kali atau 66.0%. Kesalahan yang paling banyak berlaku ketika membaca *Surah Al-Kahf* iaitu sebanyak 245 kali (48.2%) diikuti dengan *Surah Al-Bayyinah* sebanyak 90 kali (17.7%). Terdapat dua punca utama berlakunya kesalahan ini iaitu:

i) Bertukar *makhraj* yang menyebabkan lahir bunyinya seperti huruf lain. Kesalahan ini berlaku di kalangan huruf-huruf yang berdekatan bunyinya. Contoh:

مُظَهَّرٌ	disebut	مُظْهَرٌ
رَحْمَةٌ	disebut	رَحْمَةٌ
خَالِدِينَ	disebut	خَالِدِينَ

ii) Kerana kesamaran,tanggapan yang salah terhadap sesuatu huruf menyebabkan bertukar sebutan.Pertukaran ini berlaku di kalangan huruf-huruf yang ada persamaan dari segi bentuknya.Contohnya:

Ra' (ر) pada جَرْزًا disebut Zal (ز) menjadi جَرْزاً
 Fa' (ف) pada اسْقَا disebut Qaf (ق) menjadi اسْقا
 Ain (ع) pada صَغِيدًا disebut Ghin (غ) menjadi صَغِيدًا

b). **Kesalahan bertukar baris;**Kesalahan ini berada di tempat kedua dengan bilangan kesalahan 154 kali atau 30.3%, 118 kali (23.2%) adalah daripada Surah Al-Kahf dan 36 kali (7.1%) daripada surah *Al-Bayyinah*. Pertukaran baris ini berlaku disebabkan ketidakjelasan dan kesamaran mengenai baris yang dibaca.Contohnya:

من علم	dibaca	من عِلْمٍ
ليعبد الله	dibaca	لِيَعْبُدَ اللَّهَ
وينشر المؤمنين	dibaca	وَيُنَشِّرَ الْمُؤْمِنُونَ

c) **Kesalahan bertukar perkataan;** Walaupun kekerapan kesalahan ini hanya 19 kali (3.7%) sahaja,tetapi sudah cukup untuk menggambarkan bahawa mereka yang melakukan kesalahan ini tidak biasa membaca *Al-Quran*,khususnya bagi surah-surah yang panjang

seperti *Surah Al-Kahf*. Contoh kesalahan yang dilakukan adalah seperti berikut:

وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَامَةِ disebut *وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَامَةِ*

يَعْلَمُونَ الصَّالِحَاتِ disebut *يَعْلَمُونَ الصَّالِحَاتِ*

إِذْ أَوْى الْفَتْنَةُ disebut *إِذْ أَوْى الْفَتْنَةُ*

JADUAL 22:KEKERAPAN KESALAHAN GHUNNAH

Kesalahan	Surah	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
IDGHAM	Kekerapan	95	89	184
BIGHUNAH	Peratus	25.0	23.5	48.5
IKHFA'	Kekerapan	83	59	142
HAQIQI	Peratus	21.9	15.6	37.5
IKHFA'	Kekerapan	39	-	39
SYAFAWI	Peratus	10.3	-	10.3
IQLAB	Kekerapan	-	14	14
	Peratus	-	3.7	3.7
JUMLAH	Kekerapan	217	162	379
	Peratus	57.3	42.7	100

Jadual 22 di atas menunjukkan kekerapan kesalahan meninggal *ghunnah* ketika membaca surah-surah *Al-Kahf* dan *Al-Bayyinah*. Terdapat empat jenis kesalahan meninggal *ghunnah* oleh pelajar.

a)Kesalahan tidak dengung atau *ghunnah* ketika Idgham

Ma'al Ghunnah .Kesalahan jenis ini adalah tertinggi dalam aspek ini iaitu 184 kali atau 48.5 %; 95 kali atau 25 % dari Surah *Al-Kahf* dan 89 kali atau 23.5 % dari Surah *Al-Bayyinah*.Contoh

tempat kesalahan berlaku adalah seperti:  *Fa' (ف)*  *Mim (م)*

bertanwin bertemu dengan *Mim (م)*  *Ain (ع)* 

bertanwin bertemu dengan *Nun* (ن)

مِنْ عَلَيْهِ وَلَا لَأَبْا يَهُمْ Mim (م)

bertanwin bertemu dengan *Wau* (و).

b) Kesalahan tidak dengung ketika membaca hukum *Ikhfa'* *Haqiqi*; Kesalahan jenis ini berada di tempat kedua . Jumlah kesalahannya ialah 142 kali atau 37.5 %; 83 kali (21.9 %) dari Surah Al-Kahf dan 59 kali (15.6 %) dari Surah Al-Bayyinah. Contoh kesalahan yang dilakukan adalah seperti:

لَيْسَ ذَرَرٌ يَأْسًا *Nun* (ن)

سَكِينَةً مُفَجِّكِينَ *Sakinah* *Nun* (ن) Sakinah

bertemu dengan *Zai* (ز), **كَلِمَةً تَخْرُجُ** *Ta'* (ت) bertanwin bertemu dengan *Ta'* (ت)

c) **Kesalahan tidak dengung ketika Ikhfa' Syafawi;** Hukum Ikhfa' Syafawi ini hanya terdapat disatu tempat sahaja dalam ujian ini iaitu dalam surah Al-Kahf. Terdapat 39 kali atau 10.3% kesalahan ini dilakukan oleh pelajar. Tidak ada Ikhfa' Syafawi dalam Surah Al-Bayyinah. Ini bererti 32.5 % pelajar melakukan kesalahan ini. Kesalahan yang dilakukan ialah ketika mereka

membaca **كَالْمَشِيدِ مِنْ عَلَيْهِ** Mim (م) sakinh bertemu dengan *Ba'* (ب).

d) **Kesalahan tidak dengung ketika Iqlab;** Kekerapan kesalahan Iqlab dalam jadual 22 ialah 14 kali atau 3.7%. Semua

kesalahan ini berlaku semasa mereka membaca Surah Al-Bayyinah iaitu pada ;

وَمَا لِفُرْقَةِ الَّذِينَ أَوْتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمْ أَلَيْهِنَّ دَيْنًا

Ini kerana hukum Iqlab tidak ada dalam 10 ayat pertama Surah Al-Kahf. Ini bererti 11.7 % pelajar melakukan kesalahan Iqlab ketika membaca ayat.

Daripada pengamatan pengkaji, rata-rata kesalahan meninggal Ghunnah atau tidak dengung yang dilakukan oleh pelajar adalah disebabkan kurang latihan membaca Al-Quran. Membaca secara betul belum menjadi tabiat mereka. Sebab itu kita dapat pelajar yang sama dapat menjaga Ghunnah dengan baik di satu tempat tetapi gagal melakukannya di tempat yang lain. Oleh kerana sifat Ghunnah tidak wujud dalam Bahasa Melayu, maka mereka perlu kepada latihan yang berterusan sehingga menjadi tabiat.

JADUAL 23 :KEKERAPAN KESALAHAN LEBIH DAN KURANG HURUF.

Surah Kesalahan		Al-Kahf	Al- Bayyinah	Jumlah
LEBIH	Kekerapan	25	21	46
	Peratus	20.3	17.1	37.4
KURANG	Kekerapan	53	24	77
	Peratus	43.1	19.5	62.6
JUMLAH	Kekerapan	78	45	123
	Peratus	63.4	36.6	100

Jadual 23 di atas menunjukkan penambahan dan pengurangan huruf berlaku ketika menyebut sesuatu perkataan. Terdapat 46 kali atau 37.4% kesalahan lebih huruf yang dilakukan oleh pelajar iaitu 25 kali (20.3%) dalam Surah *Al-Kahf* dan 21 kali (17.1%) dalam Surah *Al-Bayyinah*. Manakala pengguguran pula berlaku sebanyak 77 kali atau 62.6% iaitu 53 kali (43.1%) dalam Surah *Al-Kahf* dan 24 kali (19.5 %) dalam Surah *Al-Bayyinah*. Berdasarkan data yang ditunjukkan dalam jadual 23 di atas dan bacaan yang dipersembahkan oleh pelajar, pengkaji mendapati kesilapan ini berlaku kerana pelajar-pelajar kurang membaca Al-Quran. Oleh kerana mereka tidak biasa dengan perkataan-perkataan tertentu menyebabkan mereka tersalah sebut lebih atau kurang huruf. Hakikat ini jelas bila mendengar bacaan mereka yang lemah, tersangkut-sangkut, meraba-raba mencari huruf dan baris. Sebab itu kita dapati umumnya kekerapan kesalahan menambah huruf lebih banyak berlaku dalam Surah *Al-Kahf* yang kurang biasa bagi mereka, tetapi kesalahan seperti ini kurang dilakukan dalam Surah *Al-Bayyinah* yang mungkin sering dibaca dan didengar kerana kedudukannya dalam *Juzu' Amma* yang mengandungi surah-surah pendek.

JADUAL 24 :KESALAHAN IDGHAM BILAGHUNNAH.

Kesalahan \ Surah	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
IDGHAM BILGHUNNAH	Kekerapan	124	8
	Peratus	93.9	6.0
JUMLAH	Kekerapan	124	8
	Peratus	93.9	6.0

Dalam keadaan tertentu sesuatu huruf mesti diidghamkan ke dalam huruf yang berikutnya. Walaubagaimanapun ramai pelajar yang tidak berbuat demikian. Jadual 24 di atas menunjukkan 132 kali kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. 124 kali (93.9 %) dilakukan dalam Surah Al-Kahf dan hanya 8 kali (6.0 %) sahaja dalam Surah *Al-Bayyinah*.

JADUAL 25:KEKERAPAN KESALAHAN IZHAR.

Kesalahan \ Surah	Al-Kahf	Al-Bayyinah	Jumlah
IZHAR HALQI	Kekerapan	29	21
	Peratus	6.7	4.9
IZHAR SYAFAWI	Kekerapan	25	33
	Peratus	5.8	7.7
JUMLAH	Kekerapan	54	54
	Peratus	50.0	50.0

Jadual 25 di atas menunjukkan kekerapan kesalahan Izhar dan kesalahan tidak membunyikan huruf mengikut makhraj dan sifat asalnya.Terdapat dua jenis kesalahan dalam aspek ini iaitu *Izhar Halqi* dan *Izhar Syafawi*.

- a) ***Izhar Halqi***;Jumlah kesalahan Izhar Halqi ialah 50 kali atau 46.3 %; 29 kali (26.9 %) dalam Surah *Al-Kahf* dan 21 kali (19.4 %) dalam Surah *Al-Bayyinah*.
- b) ***Izhar Syafawi***; Kekerapan kesalahan *Izhar Syafawi* ialah 58 kali atau 53.7 %;25 kali (23.1 %) dalam Surah *Al-Kahf* dan 33 kali (30.6 %) dalam Surah *Al-Bayyinah*.

Pengkaji mendapati punca kesalahan kedua-dua *Izhar* di atas adalah kerana mereka tidak dapat membaca dengan lancar.Mereka sengaja memanjangkan bacaan *Izhar* dalam bentuk dengun atau Ghunnah untuk mengelakkan daripada terpaksa berhenti. Ini jelas bila mereka tidak melakukan kesalahan tersebut ketika membaca surah pendek seperti *Al-Bayyinah*.

3.2 DAPATAN SOAL SELIDIK TEMUBUAL DENGAN PELAJAR.

Dari soal-selidik dan temubual yang dilakukan keatas 20 orang daripada 120 orang pelajar, didapati semua mereka tidak memerhati makna semasa membaca surah-surah yang diuji. Ini disebabkan mereka tidak dibiasakan dari awal. Mereka diajar menyebut dan mengulangi huruf-huruf,perkataan-perkataan dan ayat Al-Qur'an tanpa diberi makna bagi setiap yang diajar.Dengan lain perkataan,mereka belajar membaca Al-Qur'an secara terpisah dari

Bahasa Arab sedangkan Al-Qur'an itu sendiri dalam Bahasa Arab. Mereka mula mempelajari Bahasa Arab hanya ketika tingkatan satu. Itupun terpisah dari Al-Qur'an yang diajar sebagai sebahagian mata pelajaran Pendidikan Islam.

Apa yang diperhatikan ialah aspek *Tajwid* sekalipun banyak kelemahan yang dilakukan oleh mereka. Soal-selidik ini juga mendapati rata-rata mereka menghadapi masalah tidak dapat membaca dengan lancar walaupun dinyatakan mereka (84 %), berusaha mengatasinya tetapi usaha mereka tidak bersungguh. Mereka (72 %) hanya mampu tamat sekali sahaja setahun. Ini bererti

3.3 DAPATAN SOAL-SELIDIK GURU-GURU AL-QUR'AN

Berdasarkan soal-selidik yang dilakukan ke atas 10 orang guru yang mengajar Al-Qur'an di SMKA Tok Jiring, di dapati semua mereka adalah guru terlatih. Tujuh orang daripada mereka berijazah dan dua orang lagi mendapat latihan maktab perguruan dan seorang lulusan diploma. Dari jumlah tersebut hanya seorang saja yang membuat penghususan bidang Al-Qur'an, tujuh orang penghususan dalam bidang pendidikan Islam dan dua orang dalam pengajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam.

Semua mereka pernah mengikuti khursus Al-Qur'an. Walau bagaimanapun lima orang sahaja daripada mereka yang mendapat pendedahan tentang kaedah mengajar Al-Qur'an. Manakala

selebihnya lima orang lagi menyatakan bahawa pendedahan yang diterima ialah tentang tajwid bukan kaedah pengajaran Al-Qur'an.

Al-Qur'an yang diajar di peringkat menengah rendah adalah sebahagian daripada mata pelajaran pendidikan Islam yang diajar hanya sekali seminggu. Oleh sebab itu semua sepuluh orang guru menyatakan tidak cukup masa. Semua mereka bersetuju bahawa kesalahan yang kerap dilakukan ialah makraj huruf, *ghunnnah, mad qasr, wakaf, ibtida'* dan *izhar*.

Lima faktor utama yang mengebabkan pelajar-pelajar tidak dapat membaca Al-Qur'an dengan baik ialah

- i) Latihan tidak mencukupi
- ii) Kurang dorongan ibu bapa
- iii) Pelajar kurang minat membaca Al-Qur'an.
- iv) Masa mengajar tidak mencukupi.
- v) Kegagalan guru yang mengajar di sekolah rendah atau sebelumnya menyebabkan sebahagian besar daripada mereka tidak dapat membaca Al-Qur'an ketika masuk kesekolah menengah.

Sebagai langkah mengatasi masalah ini mereka mencadangkan agar:

- a) Memasukkan ujian membaca Al-Qur'an dalam semua peperiksaan awam peringkat UPSR, PMR dan SPM sebagai sebahagian daripada matapelajaran Pendidikan Islam.
- b) Menubuhkan Kelab Membaca Al-Qur'an yang melibatkan semua pelajar.

- c) Ibu bapa dan guru perlu mempastikan pelajar membaca Al-Qur'an setiap hari.
- d) Guru yang terlibat perlu mendapat latihan yang khusus tentang cara dan kaedah mengajar Al-Qur'an.